

SULIT

1249/1

NAMA :

TINGKATAN :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK

MODUL INTERVENSI
MENENGAH ATAS 2026

SEJARAH
KERTAS 1 (1249/1)
1 JAM

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. *Kertas modul ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **SATU** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Modul ini mengandungi **12** halaman bercetak

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan

1. Perang Dunia Pertama adalah perang global yang berpusat di Eropah yang bermula pada 28 Julai 1914 hingga 11 November 1918.

(a) Namakan pihak yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara Eropah.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Sebagai pemimpin negara, apakah yang akan anda lakukan untuk memastikan keamanan dunia berkekalan?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2. Gambar berikut berkaitan dengan tindakan komunis pada zaman darurat di Persekutuan Tanah Melayu (1948-1960).



- (a) Nyatakan tindakan ganas lain yang dilakukan oleh komunis pada zaman tersebut.

- i.
ii.

[2 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan usaha menangani ancaman komunis.

Penguatkuasaan undang-undang darurat

Jelaskan usaha tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

- (c) Teliti petikan berikut.

Malaysia telah melalui evolusi yang mencabar dalam memelihara keselamatan negara dan ketenteraman awam termasuklah ancaman keganasan komunis.

Sumber : www.mkn.gov.my

Terangkan kesan sekiranya ancaman di atas tidak ditangani.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat dalam bidang sosioekonomi, pemeliharaan khazanah negara, perumahan dan keselamatan.

(a) Nyatakan kerjasama tersebut dalam bidang sosioekonomi.

i.

ii.

[2 markah]

(b) Terangkan langkah kerjasama yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan rakyat dapat memiliki rumah sendiri.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Teliti petikan berikut.

KUALA LUMPUR - Pendapatan tidak mencukupi serta mempunyai tahap keberhutangan yang tinggi menjadi faktor kebanyakan rakyat di negara ini tidak mampu memiliki rumah.

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my> Khamis 7 Mei 2026

Berdasarkan maklumat di atas, mengapakah kebanyakan rakyat Malaysia tidak mampu memiliki rumah sendiri?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

4. Rajah berikut berkaitan pelibatan Malaysia dalam isu global kontemporari.

ISU KONTEMPORARI
• Pertindihan sempadan • Penyalahgunaan dadah • Pemerdagangan orang

- (a) Senaraikan **dua** kawasan pulau yang terlibat dalam isu tuntutan sempadan dan hak milik bertindih antara Malaysia dengan negara lain.

i.

ii.

[2 markah]

- (b) Jelaskan usaha Malaysia untuk mengatasi penyalahgunaan dadah di peringkat global.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B**[60 markah]***Jawab tiga soalan sahaja.**Tulis jawapan anda pada kertas yang disediakan.*

5. Pada 1 April 1946, British telah memperkenalkan Malayan Union yang menimbulkan pelbagai reaksi dan membawa kepada penentangan penduduk tempatan.
- (a) Jelaskan ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah orang Melayu menentang Malayan Union? [8 markah]
- (c) Pantun berikut berkaitan perjuangan rakyat menolak Malayan Union sehingga negara mencapai kemerdekaan.

Malayan Union mengundur diri,
Dari Persekutuan Tanah Melayu;
Berkat usaha perjuangan harmoni,
Bersatu hati untuk tanah airku.

Laungan merdeka suara keramat,
Ribuan hadir pelbagai bangsa;
Malaysia kini negara berdaulat,
Semangat berjuang penuh perkasa.

Bersatu hati menunggu merdeka,
Rakyat menunggu dengan sabar,
Waktu dinanti sudahlah tiba,
Bendera Malaysia megah berkibar.

Sumber : Koleksi Pantun Merdeka – The
Inspirasi, Ogos 2022

Huraikan mesej yang terkandung dalam pantun tersebut.

[8 markah]

SULIT

[LIHAT HALAMAN SEBELAH]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students



CamScanner

6. Semasa era pentadbiran British, sistem pendidikan vernakular berkembang mengikut kaum. Oleh itu, pelbagai jawatankuasa pelajaran telah ditubuhkan di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak ke arah pembentukan sistem pendidikan kebangsaan yang dapat menyatukan rakyat pelbagai kaum.

- (a) Jelaskan sistem sekolah vernakular semasa pentadbiran British. [4 markah]
- (b) Huraikan cadangan sistem pendidikan kebangsaan di Sarawak dan Sabah. [8 markah]
- (c) Teliti infografik berikut.



Rancangan Pendidikan negara 2026-2035 (Februari 2026)

Beri ulasan anda.

[8 markah]

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

- 7 Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Institusi ini disokong oleh Majlis Raja-Raja yang berperanan sebagai badan perunding tertinggi antara raja-raja Melayu.

(a) Jelaskan peranan Majlis Raja-Raja di negara kita. [4 markah]

(b) Mengapakan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di Malaysia unik? [8 markah]

(c) Teliti gambar berikut.



Berikan ulasan anda.

[8 markah]

8. Rancangan Malaysia Pertama adalah dasar nasional yang diperkenalkan pada tahun 1966 sehingga 1970 bagi menangani isu pembangunan dan ekonomi negara.
- (a) Terangkan isu tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan usaha kerajaan dalam mengatasi isu di 8 (a). [8 markah]
- (c) Petikan berikut berkaitan Rancangan Malaysia ke-13.

Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) menetapkan halatuju pembangunan negara bagi tempoh 2026–2030 dengan peruntukan RM611 bilion. Ia meneruskan usaha menyusun semula struktur ekonomi dan mengangkat martabat rakyat melalui pertumbuhan yang lebih saksama, berdaya saing dan inklusif. Antara kandungan utama ialah pelaburan besar serta reformasi dalam pendidikan dan kesihatan, pembangunan wilayah yang seimbang, penyediaan sejuta rumah mampu milik, perluasan program TVET, pendigitalan perkhidmatan awam serta penciptaan lebih sejuta pekerjaan bernilai tinggi. RMK13 juga memberi penekanan kepada reformasi pasaran buruh, pengukuhan sistem sosial berteraskan nilai MADANI, serta ikhtiar berterusan untuk mengurangkan kos sara hidup dan memastikan tiada kelompok yang terpinggir dalam arus kemajuan.

Sumber : <https://rmk13.ekonomi.gov.my>

Jelaskan harapan anda sebagai rakyat Malaysia berdasarkan petikan tersebut.

[8 markah]

9. Dasar luar negara merupakan tindakan pihak kerajaan dalam menjalankan hubungan dengan negara lain dan pelibatan dalam pertubuhan antarabangsa.

(a) Jelaskan hubungan luar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. [4 markah]

(b) Terangkan pelibatan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). [8 markah]

(c) Teliti petikan berikut.

Perdana Menteri, memberi perhatian yang serius dalam aspek hubungan luar Malaysia terutama dalam menyelesaikan isu cabaran ketidaktentuan ekonomi dan politik global. Hubungan ekonomi dan perdagangan penting untuk mempelbagaikan sumber perdagangan dan pelaburan, seterusnya menyelesaikan kebergantungan Malaysia kepada satu-satu negara. Rakyat tanpa mengira fahaman politik perlu memberi sokongan padu kepada kerajaan bagi menghadapi cabaran luar mendatang dalam usaha mempertahankan kepentingan dan kedaulatan negara.

Sumber ubah suai : <https://www.bharian.com.my>

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut. [8 markah]

MODUL SOALAN TAMAT